

BOOTH PSIKOLOGI PKPMP DENGAN KERJASAMA AKRAB NEGERI KEDAH

Kedah, 14 Mei 2025 — Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Mahkamah Persekutuan Malaysia PKPMP dengan kerjasama Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam AKRAB Mahkamah Negeri Kedah telah menganjurkan Booth Psikologi dan AKRAB yang bertempat di Kompleks Mahkamah Alor Setar, Kedah.

Objektif utama penganjuran program ini adalah sebagai satu inisiatif AKRAB dan warga kerja Mahkamah Negeri Kedah untuk memupuk kesejahteraan fizikal dan mental dalam kalangan warga mahkamah serta memperkukuh semangat setiakawan di tempat kerja melalui pendekatan yang santai, menyokong, dan membina.

Program ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik antaranya saringan pemeriksaan tahap kesihatan fizikal dan psikologi, khidmat kaunseling ringkas, serta aktiviti-aktiviti santai bersama AKRAB yang bertujuan menceriakan suasana dan menarik penyertaan warga kerja mahkamah.

Program ini terbuka kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Kompleks Mahkamah Alor Setar. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Dato' Pengarah Mahkamah Negeri Kedah dan Yang Arif-Yang Arif, Hakim Mahkamah Negeri Kedah.



KURSUS PRA AKRAB PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP) TAHUN 2025

Putrajaya, 29 Mei 2025 - Kursus Pra AKRAB Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya di Dewan Persidangan, Aras 4, Mahkamah Syariah Putrajaya. Seramai 50 orang peserta telah terlibat dalam kursus ini yang terdiri daripada warga Kehakiman dan Pegawai Mahkamah seluruh Malaysia.

Pelaksanaan Kursus PRA AKRAB adalah selaras dengan Pekeliling MyPPSM Ceraian PO.3.1.1: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berhubung peranan dan fungsi kaunseling dalam perkhidmatan awam dan pendedahan kepada asas-asas teori kaunseling bagi proses rakan membantu rakan.

Kursus ini turut menjadi medan penting dalam membina jaringan AKRAB antara jabatan kehakiman negeri dan persekutuan serta mewujudkan satu komuniti pembimbing yang mantap dan bersatu hati dalam memperkasa kesejahteraan emosi warga kerja.



Taklimat Psikologi untuk Pegawai Lantikan Baru 16 Mei 2025

Putajaya, 16 Mei 2025 - Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, PKPMP telah mengadakan Taklimat Psikologi khusus buat pegawai lantikan baharu pada 16 Mei 2025 seramai 10 orang.

Cawangan Psikologi telah dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan perkhidmatan Psikologi. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pegawai berkenaan fungsi dan peranan Cawangan Psikologi khususnya dalam perkhidmatan yang diutamakan kepada warga PKPMP seperti intervensi psikologi, dan sokongan emosi, kursus-kursus dan lain-lain. Taklimat Psikologi telah disampaikan oleh Encik Ahmad Bukhari bin Osman Pegawai Psikologi Kanan PKPMP.

Selain itu, pegawai turut diberikan maklumat mengenai peranan AKRAB sebagai rakan pembimbing Perkhidmatan Awam dan Peranan sebagai AKRAB. Program ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran awal serta memupuk budaya sokongan psikososial dalam kalangan pegawai baharu.



PROGRAM FOOD BANK AKRAB PKPMP – BULAN MEI 2025

Putajaya, 29 Mei 2025 – Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) melalui kerjasama Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan telah melaksanakan Program Food Bank yang berlangsung pada setiap hari Jumaat bertempat di Bilik AKRAB, Aras 1, Istana Kehakiman, Putrajaya.

Program ini merupakan satu inisiatif berterusan untuk memupuk semangat keprihatinan dan amalan memberi dalam kalangan warga pejabat. Sumbangan berupa kewangan dan keperluan asas adalah sumbangan daripada Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Yang Arif Hakim-Hakim dan juga Pegawai Kehakiman melalui Cawangan Psikologi untuk diagihkan kepada Warga Kehakiman yang memerlukan, sebagai tanda solidariti dan sokongan sesama rakan sekerja.

Sumbangan yang diagihkan adalah hasil ihsan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Yang Arif Hakim-Hakim serta Pegawai Kehakiman yang disalurkan melalui Cawangan Psikologi. Komitmen dan sokongan padu daripada pihak kehakiman amatlah dihargai dalam menjayakan program ini.

Sepanjang bulan Mei 2025, program ini telah berjaya mengagihkan sumbangan kepada penerima seperti berikut:

- **2 Mei 2025** – Seramai **37 orang penerima**
- **9 Mei 2025** – Seramai **34 orang penerima**
- **16 Mei 2025** – Seramai **28 orang penerima**
- **23 Mei 2025** – Seramai **47 orang penerima**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang serta membantu melancarkan pelaksanaan Program Food Bank ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan menjadi inspirasi kepada warga kerja yang lain untuk terus menyemai semangat kepedulian dalam komuniti perkhidmatan kehakiman.

